



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 30 / 2025

**HASRAT PENARIKAN DIRI CALON PILIHAN RAYA
UMUM (PRU) DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17 DI
BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI N.62 SILAM**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum tentang penarikan diri calon Pakatan Harapan (PH), Abd Halim Sidek bin Hj Gulam Hassan yang telah diisytiharkan sebagai salah seorang calon yang bertanding di Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 62 Silam pada Hari Penamaan Calon yang lalu.
2. Merujuk kepada **Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981**, yang menyatakan seperti berikut:

“tiada seorang calon pun boleh menarik pencalonannya selepas pukul 10.00 pagi pada hari penamaan”.
3. Oleh demikian, calon PH bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N.62 Silam kekal di dalam kertas undi bahagian pilihan raya berkenaan.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

18 November 2025 / 27 Jamadilawal 1447H